

MEMO

Tarikh : 2 November 2020
Kepada : Y. Bhg. Dato' Abdul Latif Hj. Abu Seman
Ketua Pengarah MPC
Daripada : Cik Nurfayunie Pakhrururzi,
Penolong Pengurus Unit HR
Disokong oleh : En. Josffa Ismail,
Timbalan Pengarah, Unit HR

Tajuk : Memohon Kelulusan untuk Memproses Borang Permohonan Pembelian (RO) Selepas 15 Oktober 2020 bagi Pelantikan Tenaga Pengajar Bagi Siri Kursus Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Projek Dan Kepakaran Para Pegawai MPC Dalam Proses Perolehan Dan Kewangan [November Dan Disember 2020]

Assalamualaikum W.B.T.,

2. Untuk makluman YBhg. Dato', Unit Pengurusan Sumber Manusia akan menganjurkan 2 Siri Kursus Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Projek Dan Kepakaran Para Pegawai MPC Dalam Proses Perolehan Dan Kewangan pada bulan November Dan Disember 2020. Program tersebut antara lain bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kecekapan para pegawai MPC dalam pengurusan proses perolehan dan kewangan seterusnya membantu meningkatkan kecekapan Pengurusan Projek "Productivity Growth" dalam 9 sektor ekonomi terpilih. Kursus ini juga akan memberi maklumat yang jelas kepada para pegawai MPC tentang tatacara dan prosedur yang perlu dipatuhi bagi mengelak berlakunya ketidakakuran dan kesilapan yang boleh mengundang teguran audit.

3. Memandangkan Siri Kursus ini baru dicadangkan dan dipersetujui oleh pihak pengurusan MPC untuk dilaksanakan dalam bulan November dan Disember 2020, maka adalah menjadi keperluan kepada Unit HR untuk mengisi Borang Permohonan Pembelian (RO) bagi memastikan pembayaran kepada tenaga pengajar dapat dibuat selepas kerja-kerja disempurnakan oleh pembekal yang telah dilantik. Memandangkan tempoh pengisian RO telah melebihi tarikh 15 Oktober, maka Unit HR perlu memohon kelulusan dari Ketua Pengarah MPC terlebih dahulu sebelum RO dapat diisi.

4. Sehubungan dengan itu, dengan rendah hati kami ingin memohon pertimbangan YBhg. Dato' untuk meluluskan permohonan ini bagi membolehkan kami mengemukakan Borang RO ke Unit PCT bagi tujuan pembayaran kepada tenaga pengajar. Segala perhatian dan pertimbangan YBhg. Dato' dalam perkara ini kami ucapkan sebanyak terima kasih.

Sekian, terima kasih.


Disedilkan oleh,


(Nurfayunie Pakhrururzi)
Penolong Pengurus
Unit HR

Disokong oleh;


(Josffa Ismail)
Timbalan Pengarah
Unit HR

Diluluskan oleh;


(Dato' Abdul Latif Hj. Abu Seman)
Ketua Pengarah MPC